

Belasungkawa

Ketahuiilah bahawa kematian pasti akan tiba terhadap seluruh umat manusia tanpa mengenal erti bangsa, kedudukan dalam masyarakat, kekayaan harta benda mahupun golongan yang dilihat gagah perkasa. Tiada sesiapa pun yang boleh melarikan diri dari menghadapi maut. Apabila telah ditetapkan waktu kematian bagi seseorang maka waktu itu tidak akan tertunda atau dipercepatkan walaupun sesaat.

Firman Allah S.W.T.:

Katakanlah (wahai Muhammad): "Sebenarnya maut yang kamu melarikan diri daripadanya itu, tetaplah ia akan menemui kamu; kemudian kamu akan dikembalikan kepada Allah yang mengetahui segala yang ghaib dan yang nyata, lalu Dia memberitahu kepada kamu apa yang kamu telah lakukan (serta membalasnya)". - Al-Jumu'ah (62) : 8-

"Supaya Allah mengampunkan bagi kamu sebahagian dari dosa-dosa kamu, dan memberi kamu hidup (dengan tidak terkena

azab) hingga ke suatu masa yang tertentu; (maka segeralah beribadat dan bertaqwa) kerana sesungguhnya ajal (yang telah ditetapkan) Allah, apabila sampai masanya, tidak dapat ditangguhkan; kalaulah kamu mengetahui (hakikat ini tentulah kamu segera beriman)". - Nuh (71) : 4-

Al-Fatihah buat dua orang anak didik UniMAP, ...

1. Mohammad Nor Azuan Bin Azhar
Kejuteraan Polimer
Pusat Pengajian Kejuruteraan Bahan
2. Muhammad Khairul Izhar Bin Marzele
Kejuruteraan Sistem Elektrik
Pusat Pengajian Sistem Elektrik

yang telah kembali ke Rahmatullah kerana kemalangan jalanraya dan mengidapi penyakit kanser. Semoga Allah mencucuri rahmat ke atas roh keduanya dan ditempatkan bersama orang-orang yang beriman, ...